

PUTUS ASA MENGHANCUR KEHIDUPAN
(22 Januari 2016 / 12 Rabiul Akhir 1437H)

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَبْنَئِ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْتِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْتِسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا

الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللَّهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru kepada sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan usaha bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang yang beriman dan beramal soleh. Mimbar pada hari yang mulia ini akan membincangkan khutbah bertajuk: **“PUTUS ASA MENGHANCUR KEHIDUPAN”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sejak merdeka, Malaysia telah mempunyai satu rekod ekonomi terbaik di Asia. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang pada kadar purata 6.5% setahun

selama hampir 50 tahun. Ekonomi negara yang dahulu secara tradisinya bersumberkan kekayaan alam semulajadi tetapi kini telah berkembang dalam sektor sains, pelancongan, perdagangan dan pelancongan perubatan.

Hasil daripada pengurusan ekonomi yang cemerlang, hari ini Malaysia berjaya berada di kedudukan yang terbaik dalam penilaian beberapa agensi penarafan antarabangsa, sekaligus meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang berdaya saing tinggi. Pencapaian cemerlang ini, antara lain telah disumbangkan melalui kecekapan agensi-agensi kawalan sempadan, khususnya Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan umumnya agensi-agensi pertahanan dan keselamatan yang terlibat secara khusus dalam mengawal pergerakan keluar-masuk dagangan.

Namun dalam jendela 2016 ini, usaha untuk mengekalkan kecemerlangan ini semakin mencabar terutama wujudnya isu ancaman pengganas dan jenayah terancang oleh kumpulan militan IS atau pengganas Daesh yang semakin bertambah dan nampak sukar dibanteras. Keadaan ini membimbangkan kita kerana boleh membahayakan rakyat tempatan dan masyarakat global. Fenomena ini sekaligus akan melahirkan kekusaran pelabur asing dan meningkatnya penglibatan golongan muda Islam untuk turut serta di dalam peperangan yang berlaku di Syria dan Iraq atas nama “jihad” dan “syahid”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Fahaman radikal yang dibawa oleh golongan IS dan ideologinya yang tersasar menjadi ancaman dalam negara. Kebanyakan individu yang terpengaruh dengan fahaman ini adalah golongan yang rasa kecewa dan marah terhadap situasi semasa dalam negara, mahupun dunia sehingga mendorong mereka menyertai kumpulan pengganas. Selain itu, tahap idealisme sesetengah golongan ini yang berbeza terhadap perubahan satu-satu dasar luar yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu juga menyumbang reaksi yang serupa.

Menurut pemerhatian mimbar, sikap berputus asa dan kecewa tersebut menimbulkan banyak kesan negatif kepada keamanan, kemakmuran dan pembangunan sesebuah negara. Islam tidak mengajar umatnya bersikap cepat putus asa kerana sikap ini menyebabkan seseorang menganggap dirinya telah gagal dalam

menghasilkan sesuatu harapan dan cita-cita bahkan tidak mahu kembali lagi untuk berusaha. Lantaran itu, ia menjadi pelemah dan pelenyap kekuatan jati diri dan menjadi racun kepada sahsiah manusia. Allah SWT telah menjelaskan di dalam Surah Yusuf ayat 87,

يَبْنَئِ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْتَسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْتِسُ مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا
الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya: “Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunyamin) dan janganlah kamu **berputus asa** dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak **berputus asa** dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Golongan yang tidak berputus asa membuktikan bahawa mereka mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap diri sendiri. Oleh yang demikian, Islam menuntut umatnya agar mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada diri dan tidak putus asa dalam mencari rahmat dan hidayah Allah SWT. Sebagai hamba Allah, adalah menjadi kewajipan kita untuk berusaha dan berikhtiar serta mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Inilah manifestasi orang beriman yang memiliki hubungan yang rapat dengan Allah SWT dan diberi kerahmatan. Mereka tidak sesekali berputus asa dari rahmat Allah SWT, walaupun dilanda ujian yang sangat hebat kerana memperoleh ketenangan hati yang hanya percaya kepada Allah SWT.

Dalam konteks ini, ramai yang tidak menyedari bahawa cara berfikir seseorang boleh mengubah perjalanan kehidupan sehariannya. Sebagai contohnya, jika ia berfikir sebagai seorang penakut, maka gambaran fikiran tersebut akan mempengaruhi seluruh potensi dirinya sebagai seorang penakut. Oleh itu, ketakutan dan putus asa dengan rahmat Allah SWT akan menyebabkan ketidakefektifan kemampuan dan keyakinan diri mereka dalam menghadapi masalah yang datang. Allah SWT menjelaskan di dalam surah al- Hija ayat 52,

إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ إِنَّا مِنْكُمْ وَجِلُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi Salam dengan berkata: Selamat sejahtera kepadamu! Dia berkata: Sesungguhnya kami berasa **takut** kepada kamu.”

‘Wajilun’ di sini adalah kegoncangan hati kerana menyangka akan berlaku sesuatu yang buruk. Apabila seseorang bersangka buruk kepada Allah SWT, maka ia telah menghina diri sendiri dan bersedia untuk menerima keburukan yang difikirkannya. Ini jelas menolak segala bentuk positif yang diinginkan oleh Islam. Oleh itu, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama menanamkan di dalam jiwa kita sikap optimis atas segala ujian Allah SWT. Dengan itu diharapkan, kita akan berfikiran positif, percaya kepada diri dan menjadi hamba Allah SWT yang bersyukur.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sempena sambutan **HARI KASTAM SEDUNIA KALI KE-34 Tahun 2016** ini juga, mimbar menyeru sidang Jumaat dan khususnya warga Jabatan Kastam Diraja Malaysia, supaya dapat menjadikan sambutan ini sebagai salah satu wadah untuk menyemarakkan obor semangat untuk berkhidmat mengikut prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Manakala kepada semua agensi yang terlibat dalam kawalan sempadan negara, marilah kita sama-sama mengukuhkan kerjasama serta meningkatkan keupayaan diri masing-masing ke arah memperteguhkan tadbir urus terbaik dengan menjunjung nilai-nilai murni, beretika, adab sopan dan saling memahami. Semoga dengan itu, kita dapat memberikan keberhasilan yang mensejahterakan rakyat.

Secara tuntas, tindakan yang bersepadu amat perlu dilaksanakan dengan memberi kesedaran kepada semua pihak akan tanggungjawab menjaga keselamatan adalah tanggungjawab bersama. Ia bukan terletak di bahu kastam atau dalam kalangan anggota-anggota pertahanan dan keselamatan sahaja tanpa didokong oleh setiap individu rakyat negara ini. Perjuangan mempertahankan keamanan dan keselamatan adalah sebahagian daripada ibadah dan tanda jihad kita di jalan Allah

SWT. Inilah masanya, kita bersatu demi mempertahankan kedaulatan negara dan agama dan menolak sebarang usaha yang cuba menghancurkan keamanan negara ini.

Mengakhiri khutbah, mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan pada hari ini antaranya ialah:

Pertama : Sikap tidak berputus asa dengan ujian yang menimpa menuntut kita untuk menjadi yang lebih baik.

Kedua : Sentiasa bersangka baik dan memohon pertolongan Allah SWT dalam segenap hal.

Ketiga : Amalkan sikap tidak berputus asa dan bersabar serta jauhi tindakan yang mengikut emosi dan hawa nafsu.

Firman Allah SWT di dalam surah al-An'am ayat 82:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٨٢﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا ءِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ ؕ أُولَٰئِكَ لَهُمُ ءَلَمَنٌ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ

Maksudnya: "Orang yang beriman dan tidak mencampurkan iman mereka dengan kezaliman, bagi mereka itulah keamanan dan merekalah yang mendapat petunjuk."

(Surah al-Anaam:82)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِصْحَابِهِ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدْوَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَأَمْرًا بِالْمُؤْمِنِينَ :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ
أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوَلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ
كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سِرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغِ الْمُعْتَصِمِ بِاللَّهِ
مُحِبِّ الدِّينِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ بَدَلِي شَاهِ،
وَعَلَى سِرِي قُدُوكَ بِكَيْنِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَةَ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَاحِيَةً،
يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan

antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.